



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PEGAWAI PENGKAJIAN DAN PERKEMBANGAN (B.2 EB.3)
JABATAN PERANCANGAN, PERKEMBANGAN DAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEGAWAI PENGAJIAN DAN PERKEMBANGAN (B.2 EB.3)
JABATAN PERANCANGAN, PERKEMBANGAN DAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Matematik / Pendidikan / Statistik / Teknologi Maklumat atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
2. Mempunyai pengetahuan serta mahir dalam penggunaan perisian komputer seperti *Microsoft Excel*, *Microsoft Access* dan sebagainya adalah kelebihan.
3. Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membuat penyelidikan dan perancangan pendidikan yang berkaitan dengan dasar dan polisi pendidikan;
2. Menyediakan dan menganalisa data dan maklumat pendidikan bagi kegunaan pembuat dasar dan keputusan seperti projeksi guru, pelajar, bangunan sekolah dan lain-lain;
3. Membuat pemantauan dan penilaian terhadap pelaksanaan program / projek yang diusahakan oleh Kementerian Pendidikan;
4. Melaksanakan kerja-kerja yang diarahkan oleh Pengarah serta pegawai-pegawai atasan dari semasa ke semasa.